



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

MAJLIS PERASMIAN STOR SITAAN  
DIREKTORAT PENGUATKUASAAN MAJLIS  
BANDARAYA SEBERANG PERAI

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**12 JANUARI 2021 (SELASA)**  
**9.30 PAGI**

**STOR SITAAN DIREKTORAT PENGUATKUASAAN MBSP**  
**TAMAN KERUING**  
**SEBERANG PERAI SELATAN**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani binti Haji Mahmud**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,**

**Selamat pagi dan salam sejahtera,**

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Stor Sitaan Direktorat Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP; Puan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta semua yang turut hadir kerana sudi melapangkan masa, memeriahkan suasana bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada hari ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Direktorat Penguatkuasaan adalah merupakan salah satu daripada 18 jabatan dalam Majlis Bandaraya Seberang Perai. Ianya ditubuhkan secara rasminya pada 1 Julai 2010 bersempena penjenamaan semula MBSP. Direktorat Penguatkuasaan sebelum ini pernah berada di bawah Jabatan

Khidmat Pengurusan dan Jabatan Undang-Undang yang dikenali sebagai Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan. Direktorat Penguatkuasaan berperanan menjalankan penguatkuasaan undang-undang yang diperuntukkan dan digunapakai di seluruh Seberang Perai yang meliputi keluasan 738.41 kilometer persegi. Pada masa ini, Direktorat Penguatkuasaan mempunyai 196 kakitangan di mana 168 orang adalah penguatkuasa.

Visi Direktorat Penguatkuasaan adalah Perlaksanaan Undang-Undang Secara Adil, Bijaksana Dan Tegas, manakala Misinya adalah Menguatkuasakan Undang-Undang Secara Berterusan Bagi Menjamin Keselesaan Warga Seberang Perai. Secara keseluruhan, Direktorat Penguatkuasaan melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh MBSP dan membantu jabatan dalaman MBSP dan agensi luaran menjalankan tindakan-tindakan penguatkuasaan yang termasuk:-

- i. Penguatkuasaan tempat letak kereta berkupon MBSP (Penang Smart Parking);
  
- ii. Penguatkuasaan kunci tayar;

- iii. Pemantauan, penyelarasan dan penguatkuasaan binaan tanpa kebenaran;
- iv. Pemantauan dan penguatkuasaan aktiviti mengotorkan jalan;
- v. Pemeriksaan dan penguatkuasaan aktiviti hiburan;
- vi. Penguatkuasaan melibatkan halangan am;
- vii. Penguatkuasaan kenderaan berat dalam kawasan perumahan;
- viii. Pengurusan stor sitaan barang rampasan;
- ix. Membantu jabatan dalaman dan luaran dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan;

Untuk memudahkan pelaksanaan tindakan penguatkuasaan, Direktorat Penguatkuasaan dibahagikan kepada empat (4) bahagian iaitu Bahagian Pengurusan, Bahagian Letak Kereta / Kunci Tayar, Bahagian Kerja Tanah / Bangunan dan Bahagian Lesen / Premis Hiburan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Salah satu fungsi Direktorat Penguatkuasaan adalah Pengurusan Stor Sitaan Barang Rampasan. Stor Sitaan Barang Rampasan adalah tempat simpanan barang-barang yang diambil, ditahan atau dirampas sama ada dengan waran atau tanpa waran bagi tujuan menghentikan atau menghalang aktiviti itu daripada diteruskan.

Stor Sitaan Direktorat Penguatkuasaan MBSP terletak di Permatang Tengah, Seberang Perai Utara; Padang Lalang, Seberang Perai Tengah; dan yang terbaru di Taman Keruing, Seberang Perai Selatan. Sitaan dilakukan terhadap kesalahan halangan di bawah Seksyen 46 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang mana di bawah seksyen ini, sebarang kesalahan halangan termasuklah halangan kenderaan buruk, halangan barangan perniagaan, halangan binaan struktur dan sebagainya boleh dikenakan tindakan sitaan. Selain daripada itu, sitaan juga di lakukan

terhadap kenderaan yang di parkir secara sesuka hati yang mana kenderaan ini di ambil tindakan di bawah Seksyen 48 Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu galangan kenderaan di jalan.

*Standard Operating Procedure (SOP)* untuk proses sitaan melibatkan pengeluaran notis mengikut kesalahan dan selepas notis tamat tempoh dan kesalahan masih belum di hapuskan, maka rampasan akan dilakukan oleh Direktorat Penguatkuasaan.

Untuk kenderaan, sejumlah 1,598 kes telah diadukan dan sebanyak 219 buah kenderaan telah disita pada tahun 2019, manakala pada tahun 2020, sejumlah 1,088 kes telah diadukan dan 199 kenderaan telah disita.

Bagi barangan lain seperti barangan penjaja seperti payung dan sebagainya, sebanyak 206 kes sitaan telah dilaksanakan pada tahun 2019, manakala pada tahun 2020, sebanyak 763 kes sitaan telah dilaksanakan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Stor Sitaan Direktorat Penguatkuasaan MBSP yang akan dirasmikan sebentar lagi terletak di atas Lot 7520, 7532 dan 7533, Mukim 15, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan dengan keluasan sebanyak 279 meter persegi. Stor sitaan ini telah siap dibina dalam masa 32 minggu pada 14 Disember 2020 oleh Kontraktor Ye Shen Trading. Kos pembinaan stor ini adalah RM1,344,348.97.

Komponen stor dibahagikan kepada pejabat, stor terbuka, surau, rumah pam, pondok pengawal, tandas, tempat letak kereta dan tapak berpagar.

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Majlis Perasmian Stor Sitaan Direktorat Penguatkuasaan MBSP ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli- Ahli Majlis MBSP, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan semua warga kerja MBSP yang telah sama-sama memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP, dasar-dasar baru MBSP dan Hala Tuju MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, "**Seberang Perai Aspirasi**



***Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***” dapat direalisasikan pada tahun 2022.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Perasmian Stor Sitaan Direktorat Penguatkuasaan MBSP pada hari ini.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

***Sekian,***

**Terima kasih, *Xie Xie, Nandri, Thank You.***